

## Jika anda mempunyai masalah pekerjaan



- 1 Bicara dengan majikan anda mengenainya.

### Jika masalah masih belum diselesaikan:



- 2 Hubungi pegawai ACE di dormitori anda, atau



- 3 Buat temujanji dengan pegawai MOM melalui Zoom. Sila baca untuk maklumat lanjut.

## Bagaimana saya membuat temu janji?

- #01 Imbas QR kod dan pilih "Make an appointment"
- #02 Klik "Advisory Services" dan pilih "Through Zoom Video (30 mins)"
- #03 Isikan nombor kad pengenalan, nama dan kod pengesahan anda dan klik "Continue".
- #04 Setuju dengan syarat-syarat MOM.
- #05 Pilih tarikh dan masa, dan klik "Continue".
- #06 Sila semak butiran janji temu anda dan pastikan nombor telefon dan alamat email anda. Klik "Confirm Appointment" untuk melengkapkan transaksi. Janji temu anda telah disahkan!



[www.mom.gov.sg/appointment](http://www.mom.gov.sg/appointment)

## Saya telah membuat janji. Apa yang perlu saya lakukan seterusnya?



### 1 SEDIAKAN DOCUMENT SOKONGAN (JIKA PERLU)

Kemukakan dokumen sokongan [DI SINI](#) untuk pegawai kami menyemak kes anda sebelum sesi bermula.

### 2 MUAT TURUN ZOOM

Jika anda menggunakan telefon atau tablet, anda mesti memuat turun "ZOOM Cloud Meetings". (klik [DI SINI](#))

### 3 TERIMA PAUTAN VIDEO

Pautan video akan dihantar ke nombor telefon bimbit dan alamat e-mel anda (jika diberikan) sekitar 30 minit sebelum janji temu anda.

### 4 SERTAI SESI

5 minit sebelum temujanji, klik pautan mesyuarat Zoom dan tunggu pegawai kami memasukkan anda ke dalam bilik mesyuarat.

## ✓ Maklumat penting yang perlu diambil perhatian pada hari janji temu anda:



### **RUANG YANG TIDAK BISING & TERANG**

Pilih tempat yang sesuai jauh dari gangguan.



### **UJI PERALATAN ANDA**

Pastikan sambungan internet, alat dengar, mikrofon dan kamera anda berfungsi sebelum sesi bermula.



### **TEPAT WAKTU**

Janji temu anda akan dibatalkan jika anda lewat selama lebih daripada 10 minit.



### **RAKAMAN TIDAK DIBENARKAN**

Jangan buat sebarang rakaman audio atau visual sesi penasihat. Pegawai MOM boleh membuat keputusan untuk menamatkan sesi penasihat jika anda didapati berbuat demikian.



### **SEDIAKAN DOKUMEN**

Sediakan dokumen peribadi anda (cth, Kad Pengenalan, Pas Kerja) untuk pengesahan oleh pegawai kami.

## Soalan yang sering ditanya sewaktu sesi Zoom

### **Siapakah yang boleh mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini?**

Mereka yang memilih untuk menghubungi kami dengan selesa dari rumah / tempat kerja mereka.

### **Adakah perbezaan dalam mutu perkhidmatan berbanding dengan sesi nasihat secara peribadi?**

Pelanggan boleh diyakin bahawa mereka akan menerima mutu perkhidmatan yang sama seperti yang mereka lakukan melalui sesi secara langsung.

### **Apakah masa temujanji?**

Sesi khidmat nasihat diadakan dari jam 9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat (tidak termasuk Cuti Umum). Pelanggan boleh membuat janji temu untuk sesi selama 30 minit pada slot masa yang tersedia.

### **Bagaimanakah saya boleh menjadualkan semula / membatalkan temujanji saya?**

Anda boleh menjadualkan semula janji temu anda dengan memilih " Change my appointment " atau membatalkan janji temu dengan memilih " Cancel my appointment" at [www.mom.gov.sg/appointment](http://www.mom.gov.sg/appointment).

### **Saya menghadapi isu-isu bila cuba memasuki bilik mesyuarat Zoom menggunakan pautan yang disediakan oleh pegawai. Apa yang patut saya buat?**

Pegawai kami akan menghubungi anda jika anda tidak berada di bilik menunggu pada masa temujanji yang dijadualkan.